

Penyunting:  
Dr. Mek Wok Mahmud • Dr. Saupi Man

DILEMA PELAJAR

Pelajaran, Cinta  
&  
Perkahwinan?



Persatuan Ulama Malaysia



**DILEMA PELAJAR: PELAJARAN, CINTA DAN PERKAHWINAN?**

Sebuah Produksi:  
**PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA**

© Persatuan Ulama' Malaysia  
Cetakan Pertama: 2018  
ISBN: 978-983-2306-28-3

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Perundangan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

**Pengarah Penerbitan:** Hj. Baharom Kassim  
**Penyunting:** Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud

**Pembaca Pruf dan Layout:** Prof. Madya Dr. Saupi Man  
Ahmad Hasan Mohd Nazam

**Reka Bentuk Kulit:** Mohd Azmi Walang  
Khairon Munawwar Baharom

**Diterbitkan Oleh:** **Pengedar/Perunting:**  
**Persatuan Ulama' Malaysia** Imtiaz Multimedia & Publications  
14B, Jalan Plumburn P7/P, 2-8-8, Kompleks Ole-Ole, Seksyen 18, Jalan  
Pusat Komersial Seksyen 7, Pinang A 18/A, Seksyen 18,  
40000 Shah, Alam, 40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5512 4300 / 03-5511 4301 Tel: 013-341 9101  
Faks: 03-5511 4302 Email: [intemmp@yahoo.com](mailto:intemmp@yahoo.com)


**Dicetak oleh:** Percetakan Zafar Sdn. Bhd.  
18 & 20 Jalan 4/10B Taman Spring Crest,  
68100 Batu Caves, Selangor

**DILEMA PELAJAR:  
PELAJARAN, CINTA DAN PERKAHWINAN?**

**ISI KANDUNGAN**

Kata-kata Aluan	vii
<i>Pengerusi Penerbitan Persatuan Ulama Malaysia</i>	
Cinta Dari Perspektif Islam: Satu Kupasan	1
<i>Prof. Madya Dr. Akmal Khuzairi bin Abd. Rahman</i>	
Nikah Al-Khitbah Menurut Perspektif Islam	21
<i>Dr. Mizzairi bin Sittiris</i>	
<i>Dr. Mustafa bin Mat Jubri @ Shamsuddin</i>	
Magasid Perkahwinan Dalam Islam	49
<i>Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud</i>	
<i>Prof. Madya Dr. Saupi Man</i>	
Hak Dan Tanggungjawab Dalam Kekehilangan	75
<i>Prof. Najibah Mohd Zin</i>	
Kahwin Muda Dalam Perspektif Al-Quran Dan Sunnah	99
<i>Dr. Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin</i>	
<i>Dr. Sofiah Samsudin</i>	
Panduan Kahwin Semasa Belajar	119
<i>Ustazah Asmah Husin</i>	
Berkahwin Semasa Belajar: Antara Pro Dan Kontra	127
<i>Ustazah Qurrotul Aien bt Fatah Yasin</i>	
Berkahwin Semasa Belajar Dan Pengurusan Kewanangan	141
<i>Dr. Nurhafilah Musa</i>	

Kahwin Semasa Belajar Dan Panduan Menyambut Kelahiran Bayi	157
<i>Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud</i>	
<i>Prof. Madya Dr. Saupi Man</i>	
Kahwin Semasa Belajar Dan Panduan Mendidik Anak-Anak Permata Hati	171
<i>Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud</i>	
<i>Prof. Madya Dr. Saupi Man</i>	



**KATA ALUAN**  
**PENGERUSI PENERBITAN**  
**PERSATUAN ULAMA MALAYSIA**

الحمد لله والصلوة والسلام على رسول الله

وعلى آله وصحبه ومن وآله وبعد

STATUS sebagai mahasiswa yang berada di "menara gading" dengan usia semakin menginjak dewasa, seringkali berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa yang perlu diidepani. Adakalanya terasa seperti berada di persimpangan antara 'cinta' dan 'cinta' yang menyapa di jiwa. Sebahagian berusaha untuk isitigamah di atas landasan syariat dengan mengelakkan fitnah dan gejala sosial yang lebih parah, lalu memilih untuk nekad berkahwin semasa masih bergelar mahasiswa, meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kewangan dan restu ibu bapa.

Mutakhir ini, timbul pula satu budaya yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat mahasiswa yang dinamakan sebagai **Nikah Khitbah**, dalam istilah adat-budaya Melayu seakan-akan sinonim dengan "nikah gantung". Nikah Khitbah mula menjadi topik perbualan umum dalam kalangan muda-mudi khususnya di IPT tempatan mahupun luar negara.

Melihat kepada kesan sampingan yang timbul akibat Nikah Khitbah, maka muncul pelbagai tafsiran dan penerimaan masyarakat terhadap fenomena ini. Justeru bersempena dengan **Seminar Aku Terima Nikahnya: Relevansi Nikah Sambil Belajar 2018**, anjuran Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), PUM dengan kerjasama beberapa ilmuwan dan ahli akademik tempatan mengambil inisiatif menerbitkan dalam bentuk terbitan bercetak (buku) kertas-kertas perbincangan yang dibentangkan dalam seminar tersebut. Secara khusus, artikel yang dikemukakan cuba menanggapi aspek-aspek yang berkaitan dengan pengertian Nikah Khitbah, ciri-cirinya, kupasan ringkas hukum-hakamnya, faktor-faktor yang menyumbang ke arahnya, gambaran sebenar erti cinta dan matlamat perkahwinan yang suci, pro dan kontra dari amalnya, selain membantu memberikan panduan perseediaan yang wajar sebelum mereka yang terlibat mengambil keputusan untuk melangkah ke alam perkahwinan.

Mudah-mudahan buku ini dapat menyelami dan merungkai sebahagian besar persoalan tersebut dan menjadi 'manual' ringkas yang bermanfaat untuk sejagat.

Selamat membaca.

*Hj. Baharom Kassim*

*Pengerusi Lajnah Penerbitan*

*Persatuan Ulama' Malaysia.*

*April 2018M*

*Sya'ban 1439H*

## **CINTA DARI PERSPEKTIF ISLAM: SATU KUPASAN**

Oleh:

*Prof. Madya Dr. Akmal Khuzairy bin Abd. Rahman\**



### **PENDAHULUAN**

Persoalan cinta dalam wacana keugamaan adalah satu tema yang tidak diberikan perhatian yang sepatutnya jika dibandingkan dengan persoalan yang sering diutarakan berkisar isu-isu politik, ekonomi dan kemasyarakatan yang lain yang sering diperbincangkan masyarakat ketika ini. Barangkali dalam keruahan isu dan polemik semasa, persoalan ini wajar diberikan tumpuan yang sepatutnya kerana padanya terdapat pelbagai potensi untuk menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi masyarakat dan umat yang jika tidak ditangani akan bercambah menjadi perbalahan, persengketaan dan akhirnya membawa kepada perpecahan. Kalaulah sahaja sebelum masing-masing pihak yang bertelagah memekuni ma'hum hadith Rasulullah daripada Anas bin Malik: "*Seseorang dari kamu masih tidak beriman selagi dia tidak mencintai saudara seagamanya apa yang dicintainya*"

\* Pensyarah di Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM

untuk dirinya." (Riwayat Bukhari dan Muslim); nescaya tidak akan ada sengketa dan perbalahan sesama umat manusia yang beriman dengan Tawhid yang mengesakan Tuhan dan berkiabatkan kepada satu arah yang sama dalam solat mereka.

Mungkin juga kerana tidak pernah dikupaskan persoalan cinta ini, umat hilang adab dan kesantunan yang sepatutnya mencirikan perhubungan sesama manusia. Berlatarkan keadaan ini, perbincangan tentang cinta perlu dikembalikan agar tidak dilihat hanya sebagai ghairah muda mudi yang sementara yang bakal pudar di persada masa terbenam dalam kekalutan menegak rumah tangga yang akhirnya lebih menyeralahkan duka dari bahagia.

Namun dalam menghuraikan masalah cinta ini, terdapat satu persoalan asas yang perlu diperjelaskan terlebih dahulu tentang, apakah yang dimaksudkan dengan cinta itu agar ia tidak disempitkan untuk hanya merujuk kepada hubungan romantik yang sering dijaja media popular? Ini adalah kerana bahasa memainkan peranan penting dari segi epistemologinya untuk menjelaskan konsep tertentu. Adalah penting untuk kita melihat pula apakah sorotan dan kupasannya cinta itu dari segi bahasa dan didalam sumber-sumber utama Islam untuk kita kenegalkan maksud cinta tersebut.

## PENGERIAN BAHASA

Perkataan cinta asalnya adalah daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud pemikiran dan perhatian.<sup>1</sup> Di dalam kamus dewan ia terbahagi kepada beberapa jenis: sayang, perasaan berahi, risau serta sedih dan perasaan inginkan kepada sesuatu atau rindu.<sup>2</sup> Perkataan-perkataan seperti sayang, kasih dan rindu adalah merupakan sinonim sebahagian (*partial synonym*) dengan

perkataan cinta dan digunakan berbeza mengikut konteks. Namun kesemuanya menunjukkan keinginan kepada sesuatu sehingga dapat menimbulkan kerisauan tentangnya.

Dalam bahasa Arab pula perkataan 'hub' memberikan maksud yang hampir sama. Dalam Al-Quran perkataan cinta itu digunakan dalam menyifatkan hubungan dengan Allah (3:31), kesukaan kepada harta (3:92), kesukaan kepada sesama manusia (3: 119), sukakan kemenangan (61: 13), sukakan kepada silkap tertentu (75: 20), keinginan kepada wanita, anak pinak, harta berupa emas dan perak, haiwan serta tanah pertanian (3: 14). Sekiranya diambil kira bahasa bahasa Arab adalah bersama bahasa Hebrew dalam kelompok keluarga bahasa yang sama maka, perkataan Hebrew yang terkait dengan makna cinta ialah 'ahavah' yang meliputi cinta Tuhan kepada ciptaannya, cinta suami kepada isterinya dan cinta kepada rakan taulan.<sup>3</sup> Dalam kamus-kamus Bahasa Arab lama, seperti Kamus 'Ain, Lisan al-'Arab dan Taj al'Arus perkataan 'hub' itu maknanya ialah tetap, tidak bergerak, merupakan bekas atau boleh juga bermaksud kayu penyokong yang menegakkan bekas tersebut. Ia juga membawa makna penuh dan kenyang.<sup>4</sup> Dalam merungkai makna cinta mengikut kepada maksud leksikal bahasa Arab ini dapat disimpulkan bahawa cinta itu adalah ibarat sebuah bekas yang terisi yang kedudukannya disokong dan tetap serta tinggi kedudukannya! Kemungkinan cinta itu dalam Bahasa Arab adalah dikiyaskan kepada maksud leksikal perkataan hub tadi dan ia bermaksud satu keadaan yang tetap, tinggi serta disanjung juga disokong yang memuaskan hati dan perasaan.

Jelasnya, tidak ada kesamaran makna dalam bahasa Arab dan Melayu tentang makna cinta itu mengikut kepada makna yang

<sup>1</sup> <http://veda.wikidot.com/malay-words-sanskrit-origin> (27/3/2018)

<sup>2</sup> <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=cinta> (27/3/2018)

<sup>3</sup> <http://www.hebrew4christians.com/Glossary/>

<sup>4</sup> <http://www.alarabiya.net/ar/last-page/2018/02/15> (1/4/2018)

dirujuk di atas. Oleh itu dapat dikatakan bahawa cinta itu adalah perasaan kasih terhadap sesuatu yang melahirkan sifat tertentu. Kecintaan kepada Allah akan melahirkan sikap taat, kecintaan kepada harta akan melahirkan sikap tamak, kecintaan kepada manusia akan melahirkan sikap kagum, kecintaan kepada sikap tertentu akan melahirkan tabiat, kecintaan kepada wanita, anak pinak serta harta akan melahirkan sikap suka untuk memiliki semua tersebut.

Secara falsafahnya pula, ada yang mengatakan ia adalah sesuatu yang subjektif dan tidak boleh ditakrifkan kerana kesamaran apakah yang dimaksudkan dengan cinta itu. Namun beberapa ahli falsafah mengatakan cinta itu boleh ditakrifkan dan kebanyakan mereka merujuk kepada Plato yang membahagikan cinta itu kepada tiga jenis atau peringkat iaitu: *Eros*, *philia* dan *agape*. *Eros* ialah cinta kepada segala yang cantik dan indah; cinta *berahi* termasuk dalam kategori ini; *philia* pula menunjukkan kesukaan dan minat kepada yang lain kerana ciri tertentu mereka; dan *agape* adalah cinta Tuhan kepada manusia dan sebaliknya serta cinta kepada kemanusiaan seluruhnya.<sup>5</sup>

### CINTA DI ANTARA LELEKI DAN PEREMPUAN

Dalam kajian tekstual Al-Quran, agak menarik untuk diperhatikan dalam Surah Ali-Imran ayat 14 disebutkan cinta kepada wanita adalah tergolong dalam kecintaan kepada keturunan dan harta. Ia adalah jenis cinta yang tujuannya ialah untuk menguasai dan memiliki. Dalam ayat lain yang lebih khusus Allah SWT berfirman: "*Dialah yang menjadikan kamu dari satu jawa dan menjadikan daripadanya pasangannya agar dia berasa tenang bersamanya*" (7:189). Dalam hal ini, cinta yang lahir daripada perkahwinan tujuannya adalah untuk mendapatkan ketenangan atau "*sakīnah*".

Disebabkan oleh itu, cinta yang sekadar untuk memiliki ciri-ciri fizikal akan menjadi goyah sekiranya sebab-sebab tarikan fizikal itu mula pudar. Ini adalah kerana perasaan cinta tadi hanyalah bersandar kepada dunia orang yang kita cintai itu, manakala perkahwinan adalah gerbang untuk kita mengetahui 'dunia-dunia' lain pasangan kita yang secara umumnya masih banyak yang kita belum bersedia untuk menerimanya! Oleh itu, para pemuda dan pemudi yang masih lagi mencari pasangan dan belum bertemukan jodoh haruslah hati-hati dengan tidak terlalu menaruh harapan yang tinggi bahawa segalanya adalah ibarat mimpi menjadi realiti. Boleh jadi ia hanyalah sekadar mimpi! Ini adalah kerana kita akan menemui sikap baru pasangan kita dan keluarganya selepas menjadi suami dan isteri yang tidak semestinya merupakan sikap yang ideal yang selama ini menjadi daya tarikan masing-masing.

Kerana itulah Allah SWT menekankan hasil serta tujuan perkahwinan itu lebih penting daripada permulaannya. Allah SWT juga mengingatkan para suami agar sentiasa melayan isteri mereka dengan baik (4:19) walaupun dalam keadaan sebab-sebab yang menyatukan mereka dengan cinta dahulu mungkin telah pudar kerana pelbagai faktor.

Setelah melihat bagaimanakah Al-Quran meletakkan kedudukan cinta dan tujuannya itu di antara lelaki dan perempuan, dapat kita perhatikan bahawa sememangnya Allah SWT dengan Kekuasannya menciptakan kehendak lelaki kepada wanita yang disertakan dengan cinta adalah untuk meneruskan keturunan manusia. Dengan adanya keluarga yang ramai pula akan menggalakkan lagi kegiatan ekonomi keluarga untuk lebih giat menampung belanja menyara keperluan mereka. Demikianlah kuasa Allah menciptakan sesuatu dengan bersebab dan mempunyai tujuan tertentu.

<sup>5</sup> [http://www.iep.utm.edu/love/\(4/2/2018\)](http://www.iep.utm.edu/love/(4/2/2018))

Di dalam Islam, perbincaraan tentang cinta lelaki dan perempuan ini telah dikupas oleh Ibnu Hazam Al-Andalusi.<sup>6</sup> Cinta yang begitu luhur dan agung tidak layak untuk digugat oleh pudarnya ciri-ciri fizikal dan kekurangan jasadiah yang lambat laun tetap akan berlaku.

Kata beliau: "*Permulaan cinta itu adalah senda gurauan dan pengakhirannya adalah kesungguhan. Maksudnya amat rumit untuk dipincikan kerana keluasannya, oleh itu hakikatnya tidak dapat diketahuhi melainkan dengan penderitaan. Ia tidak terlarang di dalam sharia't dan ugama, kerana hati-hati manusia itu adalah di bawah kawalan kekuasaan Allah SWT.*"<sup>7</sup>

Ibnu Hazam juga menegaskan bahawa cinta itu bukanlah sesuatu yang menjadi halangan dalam agama, bahkan ia adalah perasaan yang mempunyai tempat dalam syarak disebabkan pada asalnya ia adalah dibawah jenis perasaan yang terbit dari hati yang di bawah kawalan Allah SWT.

<sup>6</sup> Ibn Hazm Al-Andalusi, atau nama sebenarnya ialah Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'ied, lahir pada 7 November 994 M di Córdoba, sewaktu Kekhilafahan Kordoba dan wafat pada 15 Ogos 1064, di Mantha Lisha, dekat Sevilla. Beliau dianggap sebagai ulamak tersohor Andalus dan ulamak Islam yang paling banyak meninggalkan karya dalam dunia Islam dan imām Ahlus Sunnah di Sepanyol Islam. Ia dikenal kerana hasil karya kesusasteraannya, keluasan ilmu pengetahuannya, dan kepakaran beliau dalam bahasa Arab. Ia adalah seorang pendukung dan ahli feqah yang terkemuka dari Mazhab Zāhiri dan disebutkan telah menghasilkan karya penulisan sebanyak 400 judul, meskipun yang masih dapat ditemui sekarang hanyalah sekitar 40 karya saja, yang meliputi berbagai topik seperti hukum Islam, sejarah, etika, perbandingan agama, akidah dan lain-lain.

<sup>7</sup> [https://meemmagazine.net/2017/10/05 \(2/4/2018\)](https://meemmagazine.net/2017/10/05 (2/4/2018))

Perasaan cinta itu mengikut Ibnu Hazam adalah satu 'pertemuan semula' jiwa-jiwa yang telah terpisah yang pernah satu ketika di alam ruh dekat dan rapat namun terpisah sementara ketika menjalani kehidupan di alam dunia. Ibnu Hazam berpendapat di alam Arwah, ruh-ruh manusia ini walaupun telah ditentukan setiap satunya, namun ia adalah dalam keadaan yang berkongsi ciri dan sifat. Kita perhatikan dalam kehidupan sikap cenderung kepada sesuatu yang bersamaan cirinya dan sikap berjauhan di antara sesuatu yang tidak ada persamaan. Demikianlah juga dengan jiwa yang keadaannya amat sensitif kepada keharmonian, memerlukan pada sesuatu dan berkehendak. Firman Allah: "*Dialah yang menjadikan kamu dari satu jiwa dan menjadikan pasangannya agar dia berasa tenang bersamanya*"<sup>8</sup> Allah menjadikan lelaki itu cenderung kepada wanita adalah kerana lelaki dan wanita itu tercipta daripada satu jiwa, yang masing-masing terpisah apabila masuk ke alam dunia. Apabila jiwa-jiwa ini bertemu, maka inilah yang dinamakan percintaan antara lelaki dan perempuan.

Namun, menurut Ibnu Hazam, sifat cinta itu tidaklah mengikut kecantikan jasadiah semata kerana kalau demikianlah halnya tidak akan kita dapat mereka yang cacat turut juga merasa dicintai, juga cinta itu tidak mengenal ciri kesamaan, kerana banyak juga pasangan yang bercinta kadang-kadang tidak mempunyai persamaan. Demikian juga mereka yang mencintai kerana sebab-sebab tertentu, apabila hilangnyanya sebab itu maka akan hilanglah juga cintanya.

Dalam kupasan ini, kita dapat merumuskan bahawa cinta yang wujud di antara lelaki dan perempuan terbahagi kepada beberapa jenis dan juga peringkat. Pertama ialah cinta berrahi, kedua ialah cinta yang bersifat kasih yang tidak semata bergantung kepada sebab-sebab jasadiah yang membawa kepada

<sup>8</sup> Al-A'raf: 189

ketenangan hidup berpasangan. Sekiranya cinta jenis pertama itu tidak beransur membawa kepada cinta jenis kedua, maka tiada rumah tangga akan dapat bernaung dibawah ketenangan hidup berpasangan. Oleh itu hubungan di antara pasangan adalah berasaskan kepada kasih dan kemesraan dan bukannya cinta berahi yang sentiasa dipenuhi kehendak nafsu.

Dalam sebuah kisah apabila Saidina 'Umar dimaklumkan oleh seorang lelaki bahawa dia ingin menceraikan isterinya kerana dia tidak lagi mencintai isterinya seperti dahulu, Saidina 'Umar menjawab "Apakah rumahtangga itu semestinya terbina dengan cinta yang sedemikian? Dimanakah rasa saling menjaga dan menjamin satu sama lain?"<sup>9</sup> Dalam sebuah kisah lagi Saidina 'Umar pernah berpesan dengan sekumpulan kaum wanita dengan berkata: "Apabila salah seorang kamu tidak lagi mencintai suaminya maka seeloknya janganlah dia memberitahunya berkenaan perkara itu kerana hanya sedikit rumah yang terasas dengan cinta, sebaliknya, manusia hidup bersama dengan nilai akhlak yang mulia dan Islam".<sup>10</sup>

Ini bukanlah untuk menidakkan tidak penting cinta itu dalam menjamin kebahagiaan pasangan yang telah berumah tangga. Cuma mesej di atas ialah, dalam keadaan tiada cinta berahi, sesebuah rumahtangga itu masih dapat bertahan dengan wujudnya perasaan belas dan toleransi untuk saling menanggung kepentingan setiap pasangan. Tambahan pula dengan wujudnya anak-anak yang menjadi cahaya mata perkahwinan mereka.

Firman Allah SWT: "*Dan bergaullah dengan mereka secara baik, walaupun kamu membenci mereka (janganlah kamu terburu-buru menceraikan mereka) kerana boleh jadi kamu membencikan sesuatu*

<sup>9</sup> <http://shayma.alsarraaf.over-blog.com/article-101051892.html> (29/3/2018)

<sup>10</sup> <https://www.islamweb.net/en/article/156581/the-concept-of-true-love-in-islam> (28/3/2018)

*sedangkan Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebajikan yang banyak.*" (4: 19).

Diriwayatkan seorang yang bernama 'Imran bin Hattan al-Kharaji adalah seorang yang amat buruk rupa parasnya manakala isterinya adalah seorang yang amat cantik. Pada satu hari isterinya memandang kepadanya sambil berkata: "*Allahumhillah*", suaminya kehairanan lalu bertanya: "Kenapa dengan kamu?" Katanya: "Aku memuji Allah kerana aku dan kamu adalah dalam kalangan penghuni syurga, kerana engkau dikurniakan aku sebagai isteri dan engkau bersyukur kerananya, manakala aku pula dikurniakanmu dan aku bersabar dengannya, dan Allah telah menjajikan syurga bagi hambanya yang bersyukur dan bersabar!"<sup>11</sup>

## CINTA DAN PERKAHWINAN

Cinta dalam perkahwinan adalah satu fenomena yang baharu timbul untuk dijadikan sebagai satu impian yang ideal dalam sejarah peradaban manusia, menurut Stephanie Coontz semenjak 200 tahun dahulu.<sup>12</sup> Seorang lagi penulis di barat Pascal Bruckner menegaskan bahawa cinta dalam perkahwinan pada zaman dahulu ialah satu bonus.<sup>13</sup>

Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri apabila berkahwin dengan Siti Khadijah r.a. bukanlah kerana adanya cinta di antara mereka pada asalnya, namun daripada perkahwinan itulah timbulnya perasaan cinta Baginda s.a.w. terhadap isterinya. Cinta Baginda

<sup>11</sup> <http://www.altafsir.com/Tafsir.asp?MadhNo=0&TafsirNo=4&SoranNo=4&AyahNo=128&Display=yes&Page=3&Size=1&LangueId=1> (28/3/2018)

<sup>12</sup> Coontz, S. (2005). *Marriage, a history: From obedience to intimacy or How love conquered marriage*. New York: Viking.

<sup>13</sup> Bruckner, P. (2013). *Has marriage for love failed? Cambridge: Polity.*



kepada Khadijah r.a. sampai ke akhir hayat. Ada beberapa riwayat mengatakan tentang bagaimana Rasulullah sering menyebut-nyebut tentang kemuliaan hati Khadijah r.a. untuk bersedekah. Bahkan Baginda s.a.w. tidak melupakan sahabat-sahabat Khadijah r.a. dan menghidaihkan sesuatu kerana terkenangkan isterinya itu sampai membuatkan Saidatina 'Aishah mengeluarkan kata-kata cemburu yang tidak disenangi oleh baginda kerana kekerapan apa yang disebutkan Baginda Rasulullah s.a.w. tentang kelebihan isteri pertamanya dahulu.

Perkahwinan Baginda dengan Sawdah r.a. selepas kematian Khadijah r.a. juga menunjukkan betapa Baginda mempertimbangkan perkara lain selain cinta untuk dicapai dalam sesebuah perkahwinan. Saudah r.a. juga merupakan kenalan Khadijah r.a. dan ketika itu telah berumur 50 tahun apabila dipinang Baginda s.a.w.

Contoh-contoh di atas menunjukkan bagaimana sebuah perkahwinan itu dapat dipertahankan walaupun dalam keadaan pasangannya tidak menempuh babak percintaan sebelum perkahwinan. Dalam satu lagi kajian yang dijalankan untuk membandingkan perbezaan di antara perkahwinan yang diatur ibu-bapa dan perkahwinan yang berasaskan percintaan di beberapa bandar terpilih dalam kalangan masyarakat etnik yang masih mengamalkan tradisi kahwin atur di Amerika Syarikat, penyelidik mendapati, kepuasan emosi, tanggungjawab dan kebahagiaan yang di alami oleh pasangan-pasangan yang berkahwin samada secara diatur keluarga ataupun dengan pilihan sendiri sama tahap kepuasan emosi kebahagiaan dan kesefahaman.<sup>14</sup>

Ini menunjukkan bahawa bercinta sebelum berkahwin bukanlah merupakan satu-satunya keperluan dalam menjamin kebahagiaan rumah tangga. Dr. Sol Gordon pengarang buku bertajuk "*Why love is not enough*" (Kenapa cinta tidak mencukupi), menyatakan bahawa tidak salah untuk jatuh cinta, namun perkahwinan bagi beliau merupakan satu keputusan yang perlu diambil dengan penuh kebijaksanaan dan kesedaran bahawa ia adalah satu bentuk toleransi yang berpanjangan. Bukan mudah untuk mengubah diri masing-masing mengikut kehendak pasangan. Seringkali cinta yang membara sebelum perkahwinan hanya tinggal abu selepasnya. Bagi beliau resipi perkahwinan yang berjaya ialah keakraban, mudah bergurau dan berkommunikasi dan hubungan seksual sendiri mungkin di tempat yang kesembilan atau kesepuluh!<sup>15</sup>

Ini adalah kerana tujuan atau *maqasid* daripada perkahwinan itu adalah untuk mendapatkan hubungan kelamin yang halal yang melahirkan keturunan untuk kesinambungan keturunan manusia. Cinta merupakan resipi pematik dalam gagalakkan permulaan rumah tangga, namun yang menjamin kesinambungannya ialah sikap toleransi, belas kasih dan komunikasi.

### CINTA DAN TANDA KEBESARAN ALLAH

Apakah pula hubungan cinta di antara lelaki dan perempuan itu dengan kebesaran serta kekuasaan Allah? Firmannya: "*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (walaupun kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu*

<sup>14</sup> <https://www.psychologytoday.com/us/blog/the-science-love/201208/arranged-vs-love-based-marriages-in-the-us-how-different-are-they> (29/3/2018)

<sup>15</sup> <http://newsok.com/article/2257004> (29/3/2018)

Dilema Pelajar: Pelajaran, Cinta Dan Perkahwinan?

*mengandung ketenangan-ketenangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang-orang yang berfikir." (30:21)*

Ayat di atas menunjukkan bahawa rasa senang, mesra, kasih serta belas adalah merupakan kurma Allah SWT. Dalam membandingkan di antara hubungan cinta lelaki dan perempuan itu terdapat pengajaran yang hebat tentang realiti kehidupan kita sebagai hamba yang diciptakannya. Bagaimanakah tanda kebesaran Allah yang disebutkan dalam ayat di atas terserlah dalam hubungan cinta lelaki dan wanita?

*Pertama*, seperti yang kita telah jelaskan tentang cinta romantis dan cinta yang bercirikan belas kasih setelah pudarnya sebab jasadiah atau sebab lain yang menjadi pendorong timbulnya cinta tersebut ialah tanda kesementaraan perasaan yang bergantung kepada rupa luaran dan rasa fizikal. Ini menunjukkan keterbatasan perasaan manusia dalam menilai dan menghukum. Kadang-kadang dalam keadaan kecantikan fizikal yang kekal sekalipun boleh berlaku perceraian kerana hubungan perkahwinan tidaklah semata-mata bergantung kepada perhubungan jasadiah lelaki dan wanita. Sikap kasih, prihatin serta komunikasi juga perlu dikekalkan sesama pasangan. Dalam perkara ini mereka yang memburu idealisma dalam hubungan perlu sedar yang realiti tidak semestinya begitu kerana sifat dunia ini yang sementara dan senua perkara yang berlaku adalah mengikut kehendaknya jua.

*Kedua*, adalah menjadi sunnah kejadian Allah menjadikan nafsu itu demi untuk tujuan yang lebih besar yang tidak terjangkau akal manusia dan pemikirannya. Allah menjadikan nafsu berkelamin agar keturunan manusia tidak terputus. Dia menjadikan nafsu untuk memiliki harta agar manusia berusaha dengan berkerja. Dalam meletakkan pada rumah tangga perasaan bahagia disebaliknya adalah dengan tujuan yang lebih besar lagi iaitu untuk menjadikan nafsu manusia itu terikat dengan

*Cinta Dari Perspektif Islam: Satu Kupasan*

tanggungjawab. Tanpa ikatan tanggungjawab nafsu akan menjadi tujuan semata dan bukannya alat untuk mencapai sesuatu tujuan yang lebih murni. Apabila ini berlaku, lambat laun akan lenyaplah masyarakat dengan kadar pertumbuhan masyarakat semakin perlahan tanpa ada generasi pelapis. Inilah yang sedang berlaku di Barat apabila kadar perkahwinan semakin berkurangan disebabkan oleh idealisma 'cinta sejati' yang tidak semua dapat merealisasikan menjadikan semakin ramai untuk hidup secara hedonism, melimpahkan nafsu seksual tanpa ada ikatan perkahwinan.

*Ketiga*, terdapat juga ciri-ciri cinta Maha Pencipta kepada hambaNya yang diserlahkan dalam rasa percintaan di antara hambaNya lelaki dan perempuan. Keresahan yang dirasai pasangan kekasih, rasa gundah dan sedih yang menyelubungi hubungan akibat berjauhan, tidak dapat berjumpa kekasih hati adalah sebahagian daripada penderitaan yang terpaksa ditanggung dalam percintaan. Oleh kerana itu, cinta bukanlah semata rasa bahagia dan lapang dada tetapi juga mengandungi rasa gundah gulana dan derita. Lagi tinggi, perasaan cinta itu lagi dahsyat rasa derita dan gundah gulana. Demikianlah dalam ujian Allah kepada hambaNya itu tersirat rasa cinta terdapat hikmat dan tujuan tertentu kerana dengan ujian sahajalah akan terserlah ketulenan perasaan seseorang itu.

Sesungguhnya Rahmat dan kasih Allah kepada hambaNya adalah rahsia disebalik dugaan dan derita kerana dengan sesuatu ujian itu, dosa seseorang hamba yang beriman itu terhapus seperti maksud sebuah hadis: *"Tidaklah seseorang muslim ditimpa keletihan, penyakit, kesusahan, kesedihan, gangguan, gundah-gulana hingga dari yang memusuknya, melainkan Allah akan menghapuskan sebahagian dari kesalahannya"*. (HR. Bukhari no. 5641).

Sifat belas Allah kepada makhlukNya terserlah bukan sahaja dalam anugerah nikmatNya kepada hamba tetapi juga pada

ujannya kepada mereka. Oleh itu penderitaan yang dialami manusia adalah satu aspek kasih Yang Maha Pencipta kepada hamba-hambanya kerana tanpanya hamba-hambanya akan terus alpa dan tidak menyedari nikmat anugerah yang telah diberikan kepada mereka.

*Keempat*, percintaan juga melahirkan sikap setiap pasangan cuba untuk menggemblirakan yang lain. Demikianlah golongan yang beriman kepada Allah, mereka mencintai Allah dengan mengelak daripada mengundang murkanya, melakukan apa yang diredhainya. Apabila timbul perasaan untuk tidak mengundang murka Allah SWT dan mencari apa yang diredhainya inilah yang dinamakan taqwa. Bagi mereka yang melihat pasangan yang bercinta, atau cinta seseorang kepada anak serta ibu bapanya, akan terbit dari hati mereka kehendak untuk meniaga perasaan orang yang mereka kasahi itu. Ini adalah kerana perasaan cinta itu adalah merupakan penghalang untuk mereka melakukan sesuatu yang menyakitkan orang yang dicintai kerana ia adalah merupakan pendorong untuk melakukan sesuatu yang disukai. Melakukan sesuatu demi orang yang dicintai adalah ciri keikhlasan apabila sesuatu itu dilakukan tanpa meminta balasan dan ganjaran. Dengan keikhlasan perkara yang berat tidak akan dirasai. Kasih seorang ibu kepada anaknya melahirkan keikhlasan dalam menjaga dan membesarkannya. Begitu besarnya cinta ibu kepada anaknya apabila sanggup bersengkang mata bilamana anaknya sakit untuk menjaganya sehingga pulih.

*Kelima*, satu lagi perasaan mereka yang bercinta ialah kesediaan setiap pasangan untuk berkorban. Dalam hubungan masing-masing cuba untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk orang yang disayanginya, samada kepada pasangan masing-masing atau kepada anak-anak yang diannugerahkan. Demikian jua dalam kasih mereka yang beriman kepada Allah, bagaimana golongan ini sanggup untuk berkorban pada jalan Allah dengan harta, masa ataupun nyawa. Mereka yang mencintai Allah dan

RasulNya akan melihat dunia ini hanyalah satu pentas dan wadah bukanlah sebagai satu tujuan dan destinasi. Mereka yang beriman dan mencintai Allah dan RasulNya tidak akan menjadikan dunia ini sebagai tujuan, bahkan hanyalah sebagai wadah sementara yang tidak mempunyai kepentingan apa-apa dibandingkan dengan tujuan dan destinasi kehidupan yang sebenar untuk akhirnya berjumpa dengan Yang Maha Pencipta. Perasaan inilah yang mendorong beberapa Sahabat yang terkenal kaya seperti Saidina Abu Bakar, Uthman dan 'Abdul Rahman bin 'Auf untuk meninggalkan harta benda kekayaan mereka begitu sahaja di Mekah kerana mengutamakan arahan berhijrah ke Madinah. Perasaan inilah juga yang menjadikan mereka tidak menyesal sedikitpun meninggalkan hasil usaha kerja mereka demi mengikut jalan Allah SWT dan sanggup memulakan kehidupan yang baharu secara kecil-kecilan tanpa menghiraukan status kekayaan dan perniagaan sebelum berhijrah. Abdul Rahman bin 'Auf apabila di Madinah berniaga semula secara kecil-kecilan dengan membentang kain di kaki lima sebuah pasar. Dalam beberapa tahun sahaja perniagaan beliau kembali kukuh hingga mampu bersedekah beratus-ratus unta dalam sebuah kempen jihad.

*Keenam*, perasaan kasih sayang itu tidaklah tertakluk kepada sesuatu syarat bahkan ia adalah suci dan melepasi kekangan fizikal dan sebab-sebab luaran. Demikianlah sifat Yang Maha Pengasih Allah SWT kepada hambanya. Oleh kerana itu walaupun di dunia ini makhluk ciptaanNya tidak beriman bahkan bersikap melampaui batas, namun mereka tetap kekal sebagai hambanya yang tertakluk kepada segala sebab-sebab kehidupan. Oleh itu mereka yang tidak beriman kepadanya tetap akan dikurniakan nikmat kehidupan; kejayaan material, pengetahuan serta kesihatan. Ini adalah tanda keluasan Sifat Maha Pengasih Allah SWT. Dalam sebuah hadis diriwayatkan Sahl bin Sa'ed bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Seandainya dunia ini sama nilainya dengan sayap nyamuk di sisi Allah. Niscaya Ia tidak akan*

*Dilema Pelajar: Pelajaran, Cinta Dan Perkahwinan?*

*memberikan minuman dari dunia itu kepada orang kafir, meskipun hanya seteguk air" (HR. Tirmidzi).*

*Ketujuh, perasaan cinta melahirkan rasa tenang dan senang apabila mengenangkan orang yang dicintai. Perasaan ingin berjumpa, ingin berbicara, ingin melihat orang yang dicintai adalah perasaan yang lumrah dalam kalangan orang yang bercinta dan juga dalam kalangan mereka yang mengasih. Ini adalah kerana mereka yang kita sayangi adalah ibarat orang yang menyempurnakan kita. Sekiranya cinta itu adalah di antara pasangan lelaki dan wanita maka ia adalah atas dasar naluri dan lumrah perasaan antara lelaki dan wanita. Sekiranya perasaan itu adalah di antara ibu-bapa dan anak-anak ia adalah kerana zuriat adalah pelengkap keturunan yang menjadi punca kebahagiaan rumah tangga serta keluarga. Demikian juga kiasannya kepada rasa cinta kepada Yang Maha Pencipta dan kepada PesuruhNya. Kita adalah ciptaanNya dan mendapat Hidayah hasil risalah yang disampaikan oleh PesuruhNya. Jika ibu-bapa, pasangan dan anak-anak adalah mereka yang paling kita sayangi dalam hidup kerana menjadi sumber rasa tenang hati dalam kehidupan sebuah keluarga, maka Pencipta dan RasulNya menjadi punca kebahagiaan tersebut yang memberikan syariat, pedoman dan cara hidup harus lebih dicintai. Kerana tanpaNya, tiadalah kita, ibu-bapa, pasangan dan anak-anak; tanpa RasulNya maka tiadalah shariat yang menjadi garis panduan kehidupan kekeluargaan. FirmanNya: "Katakanlah: "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugianmu, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalan NYA, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan NYA". Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik. (9:24)*

Demikianlah ciri cinta kepada Allah dan RasulNya yang dapat dikiyaskan dalam ciri perasaan cinta dalam kalangan

*Cinta Dari Perspektif Islam: Satu Kumpulan*

*hamba-hambanya. Namun apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan cinta kepada Allah dan RasulNya itu?*

### **MAKSUD CINTA KEPADA ALLAH DAN RASULNYA**

Salah satu daripada Nama-nama Allah Yang Mulia ialah '*Al-wadud*' yang maksudnya ialah Yang Maha Pencinta. Ini adalah kerana hanya dengan cinta sahaja yang menjadikan Allah menciptakan alam semesta ini serta manusia dengan penuh kesempurnaan ciptaan. Kesempurnaan yang terdapat pada kehalusan DNA manusia, sel-sel serta anggota badannya yang merupakan satu alam kecil yang merupakan cermin kepada alam yang lebih besar daripadanya. Begitu mengikut pendapat Badi'uzzaman Sayyid Nursi merupakan tanda cinta Allah kepada ciptaanNya. Kesempurnaan dari segi ketepatan tekanan dalam tubuh manusia dan tekanan atmosfera di permukaan bumi, kesempurnaan dari segi ciptaan paru-parunya untuk sesuai dengan kadar serapan oksigen dan perkumuhan karbon dioksida merupakan ciri cinta Allah kepada hambanya. Kesempurnaan ciptaan mata manusia yang dapat melihat kerana kesesuaian cahaya matahari yang telah ditapis lapisan udara mengelilingi bumi, kesempurnaan kedudukan matahari agar kehidupan di bumi menjadi mungkin dan pelbagai lagi nikmat Allah yang tidak akan dapat dihitung. Semuanya ini adalah nikmat yang terbit daripada cinta Allah kepada makhlukNya: "*Sekiranya kamu menghitung nikmat Allah itu pasti tidak akan mampu kamu lakukannya..*" (16:18). Kesempurnaan dan nikmat inilah yang menjadi petunjuk kepada betapa kasihnya Allah kepada hambanya.

Cinta Allah kepada hambanya tidak akan dapat dirasai melainkan oleh mereka yang beriman dan mencintai Penciptanya. Kerana ini Allah menciptakan hidup ini dengan dugaan dan pilihan untuk dibuat manusia. Hanya dengan menjadikan pilihan sebagai ciri hidup manusia, cinta Allah itu dapat dikenali dan

dinilai. Sekiranya hidup Allah jadikan semuanya berakir di syurga, maka apabila tiada pilihan, manusia akan hidup di dunia dengan pengakhirannya di syurga, akan bertukarlah hidup dunia menjadi neraka kerana masing-masing pasti akan terlepas dari hukuman sekiranya berbuat jahat dan dosa. Atau sekiranya semuanya berakhir ke neraka maka akan sia-sialah kebaikan dan manusia akan hanya melakukan kejahatan. Oleh kerana ini Allah jadikan pilihan iman dan kufur untuk menjadi ujian kepada kedudukan iman manusia serta menjadikan syurga dan neraka agar manusia memilih kerana cinta itu tidak akan terhasil dengan paksaan.

Segala kekurangan, kecacatan dan bencana yang menimpa adalah untuk menyedarkan manusia tentang kelemahan dan kealpannya dalam melihat nikmat yang selama ini telah diberikan. Dugaan dan ujian yang menyakinkan ini ada banyak hikmatnya yang dapat kita lihat sekiranya kita tidak hanya membicarakannya dalam ruang sebab musabab yang zahir. Ia juga adalah untuk melihat sejauh mana kita memahani rahmat kasih Allah yang telah diberikan kepada kita dan apakah kita mampu untuk merasakan kasih dan rahmat itu lalu kita teguh beriman atau kita tergelincir dan mula goyah.

Sifat mereka yang mencintai Allah ialah mereka faham bahawa mereka milik Allah dan kepadanya jualah mereka akan kembali. Demikianlah akhirnya Allah berikan kiasan tentang cinta, kasih dan rahmatNya kepada hambaNya dalam sekelumit babak kasih sayang antara lelaki dan wanita, manusia sesama manusia dan manusia dengan harta dan lain-lainnya; agar manusia mengambil iktibar bahawa cinta kepada selainNya akan luput. Jika keterlaluan mengharapakan cinta dari manusia, atau keterlaluan mencintai harta benda dan lain-lain bentuk keduniaan, semuanya akan hilang dan ditinggalkan sewaktu kematian. Namun cinta yang paling suci dan kekal ialah cinta kepada Yang Maha Pencipta dan mencintai mereka yang turut mencintainya.

Oleh itu makna cinta kepada Allah SWT itu ialah dengan menjadikannya sebagai asas utama dan sumber segalanya dalam kehidupan. Mencintai Allah dan RasulNya lebih daripada diri sendiri, ahli keluarga dan sanak saudara bermaksud mengutamakan perintah Allah dan RasulNya dalam segala aspek kehidupan; tidak dibutakan dengan cinta kepada dunia berupa harta, pangkat dan wanita yang hanya merupakan satu kesementaraan. Ia juga bermaksud tidak keterlaluan mencintai sehingga membina diri dan buta kepada kebenaran mempertahankan orang yang diintai. Terlalu mencintai seorang wanita sehingga membinasakan diri ialah seperti dalam cerita Qays dan Layla yang lebih dikenali sebagai Majnun Layla. Manakala mencintai kaum keluarga sehingga menolak perkara yang benar ialah seperti firman Allah SWT: "*Dan janganlah engkau berbahas untuk membela orang-orang yang mengkhianati diri mereka sendiri. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang selalu melakukan kiamat, lagi sentiasa berdosa.*" (4:117)

## **KESIMPULAN**

Cinta yang Allah jadikan di antara lelaki dan wanita adalah tidak salah di dalam Syara'. Namun yang menjadikannya haram ialah perbuatan dan tingkahlaku pasangan yang bercinta yang menjurus kepada dosa dan zina sekiranya tidak dikat dengan ikatan perkahwinan yang sah.

Cinta bermula dari natsu yang Allah SWT jadikan pada manusia untuk menjadikannya terus hidup, berzuriat dan berusaha. Namun keterlaluan dalam mengesjar perkara ini akan melalakan manusia dan hanyalah sia-sia kerana akhirnya semua perkara yang dikejar itu akan ditinggalkan.

Cinta yang lebih murni kepada Allah dan RasulNya dapat dikiyaskan ciri-cirinya dengan cinta yang ada di antara manusia, namun yang kekalnya tetap juga cinta kepada Yang Maha Esa..

DILEMA PELAJAR

# Pelajaran, Cinta & Perkahwinan?

STATUS sebagai mahasiswa yang berada di "menara gading" dengan usia semakin menginjak dewasa, seringkali berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa yang perlu didepani. Adakalanya terasa seperti berada di persimpangan antara 'cita' dan 'cinta' yang menyapa di jiwa. Sebahagian berusaha untuk isitiqamah di atas landasan syariat dengan mengelakkan fitnah dan gejala sosial yang lebih parah, lalu memilih untuk nekad berkahwin semasa masih bergelar mahasiswa, meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kewangan dan restu ibu bapa.

Mutakhir ini, timbul pula satu budaya yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat mahasiswa yang dinamakan sebagai **Nikah Khitbah**, dalam istilah adat-budaya Melayu seakan-akan sinonim dengan "nikah gantung". Nikah Khitbah mula menjadi topik perbualan umum dalam kalangan muda-mudi khususnya di IPT tempatan mahupun luar negara.

Melihat kepada kesan sampingan yang timbul akibat Nikah Khitbah, buku ini cuba merungkai dan menanggapi persoalan tersebut dengan mengemukakan aspek-aspek yang berkaitan dengan pengertian Nikah Khitbah, ciri-cirinya, kupasan ringkas hukum-hakamnya, faktor-faktor yang menyumbang ke arahnya, gambaran sebenar erti cinta dan matlamat perkahwinan yang suci serta pro dan kontra dari amalannya. Seterusnya membantu memberikan panduan persediaan yang wajar sebelum mengambil keputusan untuk melangkah ke alam perkahwinan; di samping menjadi 'manual' ringkas yang bermanfaat untuk sejangat.



Persatuan Ulama' Malaysia

ISBN 978-983-2306-28-3



9 789832 306283

Harga: RM20.00